

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN GOBIND SINGH DEO (PUCHONG)

TARIKH : 28 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada satu inkues perlu diadakan dalam kes-kes kematian semasa tahanan polis dan khususnya apakah tindakan di dalam kes-kes kematian A. Ganapathy pada 18 April 2021, S. Sivabalan pada 20 Mei 2021 dan Surendran Shanker pada 27 Mei 2021.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Berdasarkan peruntukan undang-undang di bawah Kanun Tatacara Jenayah, inkues akan diadakan untuk menyiasat bila, di mana, bagaimana dan juga sama ada terdapat individu secara jenayah terlibat dalam menyebabkan kematian.

Di bawah Seksyen 333 Kanun Tatacara Jenayah juga menyatakan, Majistret wajib mengadakan siasatan lebih mendalam jika tidak berpuas hati sebab kematian terutamanya dalam kes kematian mengejut. Oleh itu, inkues sesuai diadakan bagi menangkis sebarang persepsi negatif terhadap pihak PDRM dan juga memberikan satu keputusan yang adil dan dapat memuaskan hati semua pihak. Keperluan untuk mengadakan inkues tertakluk kepada hasil siasatan menyeluruh dan lengkap pihak polis.

Tuan Yang Di Pertua,

Merujuk kepada kes A. Ghanapathy, siasatan telah selesai dan telah dirujuk ke Pejabat Pengarah Pendakwaan Negeri (PPN) Selangor dengan cadangan inkues. Pada 12 Julai 2021, keputusan untuk diadakan inkues telah diterima. Susulan itu PDRM telah mendaftar permohonan inkues di Mahkamah Koroner Shah Alam pada 30 Ogos 2021. Manakala bagi kes S. Sivabalan dan Surendran Shanker, siasatan masih diteruskan dan akan dirujuk kepada Peguam Negara untuk arahan selanjutnya.